

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO

TARIKH: 28 JANUARI 2020

MUKA SURAT: 10

Lepas 17 bom air di udara

Operasi padam kebakaran tapak pelupusan sampah masuk hari ke-8 semalam

Oleh Nor Farhani Che Ad
am@hmetro.com.my

Sungai Petani

Tujuh belas bom air dilepaskan selain operasi di darat bagi memastikan kebakaran di tapak pelupusan sampah di Semeling di sini, padam

sepenuhnya.

Operasi itu yang sudah berlarutan lapan hari sejak 20 Januari lalu, bakal dihentikan tidak lama lagi selepas kawasan 1.2 hektar disahkan tiada kebakaran baharu.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kedah, Penolong

Kanan Pesuruhjaya Bomba Sayani Saidon berkata, kebakaran semakin berkurangan selepas operasi itu dibantu Unit Udara JBPM, kelmarin.

"Kita masih meneruskan operasi hari ini (semalam) di darat yang diketuai Penguasa Kanan Bomba II Mohd Firdaus Daud

khusus bagi mengesan kebakaran baharu.

"Dalam operasi semalam (kelmarin) sebanyak 11 bom air dilepaskan pada sesi pagi dan selebihnya pada petang, sementara operasi di darat dibahagikan kepada empat sektor.

"Untuk makluman, bagi operasi di darat, kita

menggunakan sumber air dari *hydrosub* dan satu sektor menggunakan sumber air daripada *water tanker*," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Sayani berkata, operasi di darat disertai 53 anggota dari 17 Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) termasuk

BBP Pengkalan Hulu, Perak dan BBP Perda, Pulau Pinang.

Katanya, antara agensi lain yang terbabit adalah Jabatan Alam Sekitar, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Majlis Perbandaran Sungai Petani Kedah dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.



Untuk operasi di darat, kita menggunakan sumber air dari *hydrosub* dan satu sektor menggunakan sumber air *water tanker*"

Sayani



ANGGOTA bomba melakukan pemedaman api di darat.